



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 1 NOVEMBER 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>KPWKM BANGUNKAN KERANGKA EKONOMI PENJAGAAN NASIONAL, PACU PEMBANGUNAN INKLUSIF DAN MAMPAN ASEAN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2485585">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2485585</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://suaramerdeka.com.my/kpwkm-komited-ke-arrah-asean-yang-inklusif-aman-dan-mampam/">https://suaramerdeka.com.my/kpwkm-komited-ke-arrah-asean-yang-inklusif-aman-dan-mampam/</a>	SUARAMERDEKA.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>KEMPEN WCARE TINGKAT KESEDARAN WANITA PROAKTIF JALANI SARINGAN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2025/10/1466001/kempen-wcare-tingkat-kesedaran-wanita-proaktif-jalani-saringan">https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2025/10/1466001/kempen-wcare-tingkat-kesedaran-wanita-proaktif-jalani-saringan</a>	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>SUAMI MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA MUNGKIN LEBIH 1,183 KES DIREKODKAN POLIS - KAUNSELOR</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1282272/suami-mangsa-keganasan-rumah-tangga-mungkin-lebih-1183-kes-direkodkan-polis">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1282272/suami-mangsa-keganasan-rumah-tangga-mungkin-lebih-1183-kes-direkodkan-polis</a>	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>JKM PERKUKUH PERKHIDMATAN KAUNTER DAN LAPANGAN DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1466087/jkm-perkukuh-perkhidmatan-kaunter-dan-lapangan-demi-kesejahteraan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1466087/jkm-perkukuh-perkhidmatan-kaunter-dan-lapangan-demi-kesejahteraan</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://thesun.my/news/malaysia-news/jkm-to-improve-welfare-services-and-public-wellbeing-in-malaysia/">https://thesun.my/news/malaysia-news/jkm-to-improve-welfare-services-and-public-wellbeing-in-malaysia/</a>	THESUN.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2485778">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2485778</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2485776">https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2485776</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-perkukuh-perkhidmatan-kaunter-dan-lapangan-demi-kesejahteraan-rakyat-545539">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-perkukuh-perkhidmatan-kaunter-dan-lapangan-demi-kesejahteraan-rakyat-545539</a>	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>TINGKAT KESEDARAN WANITA MELAKA CEGAH KANSER PAYUDARA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.melakahariini.my/tingkat-kesedaran-wanita-melaka-cegah-kanser-payudara/">https://www.melakahariini.my/tingkat-kesedaran-wanita-melaka-cegah-kanser-payudara/</a>	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>USAHA DEDAHKAN WANITA DENGAN ILMU KEPIMPINAN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/10/31/usaha-dedahkan-wanita-dengan-ilmu-kepimpinan/">https://www.kosmo.com.my/2025/10/31/usaha-dedahkan-wanita-dengan-ilmu-kepimpinan/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/754873/berita/nasional/integriti-pacu-kepimpinan-wanita-dalam-sektor-sosial">https://www.sinarharian.com.my/article/754873/berita/nasional/integriti-pacu-kepimpinan-wanita-dalam-sektor-sosial</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>PENGEMIS KANAK-KANAK CEMARI BUKIT BINTANG</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/10/31/video-pengemis-kanak-kanak-cemari-bukit-bintang/">https://www.kosmo.com.my/2025/10/31/video-pengemis-kanak-kanak-cemari-bukit-bintang/</a>	KOSMO.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>APM SEDIA AGIH ANGGOTA DI 20 PPS TAMBAHAN DI KELANTAN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/apm-sedia-agih-anggota-di-20-pps-tambahan-di-kelantan">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/apm-sedia-agih-anggota-di-20-pps-tambahan-di-kelantan</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1282263/apm-sedia-agih-anggota-hadapi-penambahan-20-pps-banjir-kelantan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1282263/apm-sedia-agih-anggota-hadapi-penambahan-20-pps-banjir-kelantan</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mtl-lebih-15000-anggota-apm-siap-siaga-hadapi-banjir-545538">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mtl-lebih-15000-anggota-apm-siap-siaga-hadapi-banjir-545538</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2485879">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2485879</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2485722">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2485722</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1466106/apm-sudah-siapsiaga-hadapi-mtl">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1466106/apm-sudah-siapsiaga-hadapi-mtl</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/10/31/lebih-15000-anggota-apm-siap-siaga-hadapi-monsun-timur-laut/">https://www.kosmo.com.my/2025/10/31/lebih-15000-anggota-apm-siap-siaga-hadapi-monsun-timur-laut/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/10/31/mtl-lebih-15000-anggota-apm-siap-siaga-hadapi-banjir/">https://www.tvsarawak.my/2025/10/31/mtl-lebih-15000-anggota-apm-siap-siaga-hadapi-banjir/</a>	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	<b>KES ABAI ZAYN RAYYAN: 'HATI KAMI REMUK, KAMI REDA TETAPI MAHU SIASATAN TELUS DAN ADIL' – ZAHARI MOHD REBA</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kes-abai-zayn-rayyan-hati-kami-remuk-kami-reda-tetapi-mahu-siasatan-telus-dan-adil-zahari-mohd-reba/">https://www.buletintv3.my/nasional/kes-abai-zayn-rayyan-hati-kami-remuk-kami-reda-tetapi-mahu-siasatan-telus-dan-adil-zahari-mohd-reba/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.thevibes.com/articles/news/114853/zayn-rayyan-case-family-seeks-justice-as-mother-sentenced-for-neglect">https://www.thevibes.com/articles/news/114853/zayn-rayyan-case-family-seeks-justice-as-mother-sentenced-for-neglect</a>	THEVIBES.COM	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1282101/kelua-rga-akur-hati-kita-remuk-datuk-kepada-zayn-rayyan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1282101/kelua-rga-akur-hati-kita-remuk-datuk-kepada-zayn-rayyan</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1305835/zayn-rayyans-grandfather-real-killer-still-large">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1305835/zayn-rayyans-grandfather-real-killer-still-large</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.thevibes.com/articles/news/114850/zayn-rayyans-mother-sentenced-to-five-years-imprisonment-for-neglect">https://www.thevibes.com/articles/news/114850/zayn-rayyans-mother-sentenced-to-five-years-imprisonment-for-neglect</a>	THEVIBES.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1465920/ismanira-dipenjara-kes-abai-zayn-rayyan-kami-akur-tapi-pembunuh">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1465920/ismanira-dipenjara-kes-abai-zayn-rayyan-kami-akur-tapi-pembunuh</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2025/10/31/we-accept-gods-will-but-find-the-killer-zayn-rayyans-grandfather-urges-police-after-daughter-in-law-jailed-for-neglect/196776">https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2025/10/31/we-accept-gods-will-but-find-the-killer-zayn-rayyans-grandfather-urges-police-after-daughter-in-law-jailed-for-neglect/196776</a>	MALAYMAIL.COM	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/754820/berita/semasa/datuk-zayn-rayyan-rayu-polis-teruskan-siasatan-dakwa-pembunuh-masih-bebas">https://www.sinarharian.com.my/article/754820/berita/semasa/datuk-zayn-rayyan-rayu-polis-teruskan-siasatan-dakwa-pembunuh-masih-bebas</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/10/31/hati-kami-remuk-pembunuh-sebenar-zayn-rayyan-masih-bebas/">https://malaysiagazette.com/2025/10/31/hati-kami-remuk-pembunuh-sebenar-zayn-rayyan-masih-bebas/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	<b>PENEMUAN MAYAT WANITA DI SERI KEMBANGAN: BEKAS KEKASIH, ABANG ANGKAT ANTARA 3 DITAHAN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/penemuan-mayat-wanita-di-seri-kembangan-bekas-kekasih-abang-angkat-antara-3-ditahan/">https://www.buletintv3.my/nasional/penemuan-mayat-wanita-di-seri-kembangan-bekas-kekasih-abang-angkat-antara-3-ditahan/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1466073/wanita-dipercayai-mati-lebih-5-hari-sebelum-mayat-dijumpai-tak">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1466073/wanita-dipercayai-mati-lebih-5-hari-sebelum-mayat-dijumpai-tak</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/754847/berita/semasa/tiga-lelaki-ditahan-kes-penemuan-mayat-wanita-tak-berpakaian-tangan-terikat">https://www.sinarharian.com.my/article/754847/berita/semasa/tiga-lelaki-ditahan-kes-penemuan-mayat-wanita-tak-berpakaian-tangan-terikat</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1465866/wanita-maut-tidak-berpakaian-tangan-terikat-bekas-kekasih-abang">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1465866/wanita-maut-tidak-berpakaian-tangan-terikat-bekas-kekasih-abang</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1305855/three-men-held-assist-probe-womans-murder-seri-kembangan">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1305855/three-men-held-assist-probe-womans-murder-seri-kembangan</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/10/31/cops-nab-ex-boyfriend-stepbrother-of-woman-found-dead-in-seri-kembangan">https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/10/31/cops-nab-ex-boyfriend-stepbrother-of-woman-found-dead-in-seri-kembangan</a>	FREEMALYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/31/ex-boyfriend-adopted-brother-among-three-held-over-murder-of-woman-found-naked-and-bound-in-seri-kembangan/196730">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/31/ex-boyfriend-adopted-brother-among-three-held-over-murder-of-woman-found-naked-and-bound-in-seri-kembangan/196730</a>	MALAYMAIL.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	<b>TRAGEDI MANDI SUNGAI, DUA KANAK-KANAK LEMAS</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1282319/tragedi-mandi-sungai-dua-kanak-kanak-lemas">https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1282319/tragedi-mandi-sungai-dua-kanak-kanak-lemas</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/dua-kanak-kanak-ditemukan-lemas-di-sungai/">https://www.buletintv3.my/nasional/dua-kanak-kanak-ditemukan-lemas-di-sungai/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1466160/dua-kanak-kanak-lemas-di-sungai">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1466160/dua-kanak-kanak-lemas-di-sungai</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dua-kanak-kanak-lemas-mandi-tali-air">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dua-kanak-kanak-lemas-mandi-tali-air</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/10/31/dua-kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-di-tali-air/">https://www.kosmo.com.my/2025/10/31/dua-kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-di-tali-air/</a>	KOSMO.COM.MY	
12	<b>POLIS CARI WANITA WARGA EMAS HILANG DI HUTAN MELINTANG</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2485842">https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2485842</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-cari-wanita-warga-emas-hilang-di-hutan-melintang-545550">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-cari-wanita-warga-emas-hilang-di-hutan-melintang-545550</a>	ASTROAWANI.COM	
13	<b>SAMI ROGOL PELAJAR DALAM KEBUN SAWIT KONON UBAH NASIB DIPENJARA 15 TAHUN, SEBATAN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1465958/sami-rogol-pelajar-dalam-kebun-sawit-konon-ubah-nasib-dipenjara-15-tahun">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1465958/sami-rogol-pelajar-dalam-kebun-sawit-konon-ubah-nasib-dipenjara-15-tahun</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/759578">https://www.malaysiakini.com/news/759578</a>	MALAYSIAKINI.COM	
	<a href="https://www.malysiadateline.com/sami-rogol-pelajar-dalam-kebun-sawit-dijatuhkan-hukuman/">https://www.malysiadateline.com/sami-rogol-pelajar-dalam-kebun-sawit-dijatuhkan-hukuman/</a>	MALYSIADATELINE.COM	



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	<b>BURUH MENGAKU ROGOL KENALAN BAWAH UMUR DALAM STOR</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1465863/buruh-mengaku-rogol-kenalan-bawah-umur-dalam-stor">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1465863/buruh-mengaku-rogol-kenalan-bawah-umur-dalam-stor</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/754816/berita/semasa/buruh-mengaku-bersalah-rogol-remaja-14-tahun-dalam-stor">https://www.sinarharian.com.my/article/754816/berita/semasa/buruh-mengaku-bersalah-rogol-remaja-14-tahun-dalam-stor</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## KPWKM Bangunkan Kerangka Ekonomi Penjagaan Nasional, Pacu Pembangunan Inklusif Dan Mampan ASEAN

🕒 31/10/2025 12:20 PM



### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PUTRAJAYA, 31 Okt (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sedang membangunkan Kerangka Ekonomi Penjagaan Nasional bagi mengiktiraf serta memperkasakan sektor penjagaan sebagai pemangkin utama pembangunan inklusif dan mampan di negara ini.

KPWK dalam kenyataan hari ini, memaklumkan inisiatif itu selaras dengan Deklarasi ASEAN mengenai Hak Terhadap Alam Sekitar yang Selamat, Bersih, Sihat dan Mampan, dengan menekankan hubungan rapat antara penjagaan, kesejahteraan serta kelestarian alam sekitar.

"Kesan perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar amat dirasai penjaga, keluarga, warga emas, orang kurang upaya (OKU), wanita dan kanak-kanak. Justeru sistem penjagaan berdaya tahan dan inklusif penting bagi memastikan kesejahteraan komuniti terus terpelihara demi masa depan yang lestari," menurut KPWK.

Selain itu, KPWK memaklumkan sebagai Pengerusi Suruhanjaya ASEAN mengenai Promosi dan Perlindungan Hak Wanita dan Kanak-Kanak (ACWC), kementerian itu memainkan peranan utama dalam memacu pelaksanaan agenda serantau yang berpaksikan rakyat, keluarga dan komuniti.

Ia juga berdasarkan peranan KPWK sebagai penyelaras utama Malaysia bagi Jawatankuasa ASEAN mengenai Wanita (ACW) dan Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Pembangunan Kebajikan Sosial (SOMSWD).

"Usaha ini mencerminkan inti pati dua deklarasi penting yang diterima pakai semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 iaitu Deklarasi ASEAN mengenai Hak untuk Pembangunan dan Keamanan ke Arah Pembangunan Inklusif dan Mampan serta Deklarasi ASEAN mengenai Hak terhadap Alam Sekitar yang Selamat, Bersih, Sihat dan Mampan," menurut kenyataan itu.

KPWK turut menegaskan komitmen untuk memperkukuh kerjasama merentasi tiga tonggak utama ASEAN iaitu wanita dan kanak-kanak, pemerksaan gender dan kebajikan sosial bagi mengarusperdanakan prinsip hak asasi, kesaksamaan gender dan inklusiviti sosial dalam agenda ASEAN pasca-2025.

Selain itu, KPWK menyifatkan pelancaran Pelan Tindakan Nasional mengenai Wanita, Keamanan dan Keselamatan (NAP WPS 2025-2030) pada September lepas, membuktikan kesungguhan Malaysia untuk menterjemah komitmen ASEAN ke arah tindakan nyata di peringkat nasional, termasuk memperkukuh penyertaan wanita dalam pembinaan keamanan, pencegahan konflik dan proses pemulihan.

Selaras dengan aspirasi Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 bertemakan Keterangkuman dan Kemampanan, KPWK memaklumkan akan terus memperjuangkan inisiatif yang menggabungkan dimensi keamanan, penjagaan dan kelestarian dalam pembangunan serantau.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kempen WCare tingkat kesedaran wanita proaktif jalani saringan

Oktobor 31, 2025 @ 9:27pm



Noor Zurita Begum Mohd Ibrahim (Iima dari kiri) bersama sebahagian wanita yang menyertai program WCARE di LPPKN Negeri Sembilan. - Foto NSTP/Mohd Amin Jalil.

heading:

Intro: Program perkukuh keberanian lawan penyakit, pengesanan awal kanser payudara

Oleh Mohd Amin Jalil

[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

Gambar Mohd Amin Jalil

Kempen Kesedaran Kanser Reproduksi Wanita (WCare) yang dianjurkan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dilihat platform penting, memperkasa wanita lebih proaktif menjalani saringan awal kanser payudara.

Kempen WCare juga dilihat bukan sekadar acara tahunan, sebaliknya medan untuk menyemai kesedaran dan memperkukuh keberanian wanita melangkah ke depan kerana dalam perjuangan melawan kanser, pengetahuan serta pengesanan awal perisai terbaik.

Tambahan, data menunjukkan, kanser payudara dilaporkan penyakit paling utama dalam kalangan wanita di seluruh dunia, merangkumi 24.2 peratus daripada kes kanser baharu.

Laporan Kementerian Kesihatan (KKM) menyatakan, jumlah ini dijangka meningkat kepada tiga juta kes baharu dan satu juta kematian menjelang tahun 2040 dengan insiden mula meningkat seawal usia 25 tahun dan memuncak sekitar 60 hingga 64 tahun.

Menyadari situasi membimbangkan itu, LPPKN Negeri Sembilan tampil ke hadapan dengan pelbagai inisiatif mendekati komuniti bagi meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pemeriksaan berkala.

Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan, Datuk Noorzurita Begum Mohd Ibrahim, berkata sejak 2020 hingga September tahun ini, 11,128 wanita di negeri ini sudah menjalani pemeriksaan mamogram di bawah perkhidmatan LPPKN, dengan 100 kes disahkan positif kanser payudara.

"Usaha bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pengesanan awal kanser payudara dan rawatan segera amat penting bagi menyelamatkan nyawa wanita.

"Ini susulan kanser payudara kekal sebagai jenis kanser paling kerap didiagnosis dalam kalangan wanita, merangkumi 32.1 peratus daripada keseluruhan kes kanser wanita di negara ini," katanya selepas program WCARE, di LPPKN, baru-baru ini.

Jadikan sebagai budaya

Beliau berkata, ramai wanita terpaksa berdepan pembedahan dan rawatan sukar akibat lewat dikesan. Justeru, pengesanan awal dan pemeriksaan berkala perlu menjadi budaya.

"Kelewatan mendapatkan rawatan boleh membawa padah," tegasnya.

Sementara itu, Pengarah LPPKN negeri, Azlan Mohd Salleh, berkata tahap kesedaran wanita di Negeri Sembilan terhadap kepentingan pengesanan awal kanser payudara kini semakin meningkat.

Katanya, hasil saringan itu 36 kes berjaya dikesan kes positif kanser payudara tahun lalu, sebelum merekodkan 100 kes positif keseluruhan bagi tempoh lima tahun.

"Perkembangan ini menunjukkan, inisiatif kesedaran dan saringan awal oleh LPPKN serta rakan strategik semakin diterima baik masyarakat," katanya.

Menurut Azlan, LPPKN akan terus komited menjadi agensi peneraju kesejahteraan keluarga dengan menyediakan perkhidmatan menyeluruh merangkumi kesihatan reproduktif wanita, pendidikan dan bimbingan remaja, serta kaunseling kekeluargaan.

Beliau menambah, wanita berusia antara 40 hingga 70 tahun layak menerima subsidi mamogram melalui Klinik Nur Sejahtera LPPKN di seluruh negara.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Suami mangsa keganasan rumah tangga mungkin lebih 1,183 kes direkodkan polis - Kaunselor

Muhamad Lokman Khairi  
lokman.khairi@metro.com.my



GAMBAR hiasan

Kuala Lumpur: Jumlah suami yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga mungkin lebih ramai berbanding 1,183 kes direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) setakat Julai tahun ini.

Kaunselor berdaftar yang juga Pegawai Psikologi Kanan, Pejabat Pendaftar Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani berkata, stigma lelaki 'tidak boleh kelihatan lemah' masih tebal dalam masyarakat menyebabkan mangsa malu untuk tampil membuat laporan.

"Suami yang mencari bantuan sering berhadapan dengan kekangan seperti tiada tempat perlindungan khas atau pegawai yang tidak terlatih untuk menangani mangsa lelaki.

"Apabila lelaki membuat laporan, mereka sering tidak diambil serius oleh pihak berkuasa atau masyarakat, malah ada yang dipersenda.

"Stereotaip ini menghalang mereka daripada meluahkan penderitaan, sekali gus menyukarkan mereka untuk mendapatkan bantuan profesional atau kaunseling," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Semalam, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad dilaporkan berkata, statistik PDRM merekodkan 1,183 kes keganasan rumah tangga membabitkan kaum lelaki setakat Julai tahun ini.

Menyingkap kes keganasan rumah tangga membabitkan lelaki yang berlaku beberapa tahun kebelakangan ini, Noraini berkata, pada 2022 sahaja seramai 1,778 mangsa direkodkan.

Pada 2023, katanya terdapat penurunan kepada 1,213 kes, namun jumlahnya naik semula pada 2024 kepada 1,865 kes.

Mengulas lanjut, Siti Fatimah berkata, dari segi kesan jangka panjang, trauma dan tekanan psikologi yang dialami mangsa dera rumah tangga boleh meninggalkan luka mendalam terhadap emosi dan tingkah laku mereka.

Menurutnya, kebimbangan berpanjangan dan mempersoalkan 'kelelakian' mereka boleh membawa kepada kemurungan mendalam serta keresahan melampau.

"Suami yang sering dipermalukan, dikawal, atau direndahkan oleh pasangan, menyebabkan mereka hilang kepercayaan terhadap diri sendiri.

"Dalam jangka panjang, mereka berasa tidak layak untuk dihargai atau disayangi, seterusnya sukar membina hubungan yang sihat.

"Lebih memburukkan keadaan apabila mangsa menyalurkan tekanan melalui penyalahgunaan alkohol atau dadah yang kemudiannya menyebabkan anak-anak terabai dan keluarga berantakan," katanya.

Justeru, beliau menyokong langkah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang akan memperhebat pelaksanaan Program Lelaki Budiman Negara.

Inisiatif itu bertujuan memperkasa peranan lelaki sebagai suami, bapa dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab, memupuk budaya hormat-menghormati antara pasangan serta mengurangkan risiko penderaan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## JKM perkukuh perkhidmatan kaunter dan lapangan demi kesejahteraan rakyat

BERNAMA - Oktober 31, 2025 @ 6:28pm



KUALA LUMPUR: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan terus menambah baik peranan serta perkhidmatan di kaunter dan di lapangan bagi memastikan kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

Dalam kenyataan hari ini, JKM memaklumkan pihaknya sentiasa mengambil berat terhadap aduan, pandangan dan rungutan yang diterima berhubung pelaksanaan tanggungjawab serta peranan jabatan itu dalam memberikan perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat.

"JKM menzahirkan komitmen berterusan untuk meneliti dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap setiap isu dan aduan yang diterima.

"Setiap maklum balas daripada rakyat amat dihargai kerana ia membantu JKM menambah baik mutu perkhidmatan serta memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap jabatan ini," menurut kenyataan itu.

JKM turut menasihati orang ramai supaya menyalurkan sebarang maklum balas berkaitan kes kebajikan, aduan atau pertanyaan berserta bukti kukuh melalui saluran rasmi seperti Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) dan Talian Kasih 15999.

Saluran rasmi lain termasuk aplikasi WhatsApp di talian 019-2615999, emel [pro\\_jkm@jkm.gov.my](mailto:pro_jkm@jkm.gov.my), atau dengan hadir sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat di negeri dan daerah berdekatan. – BERNAMA

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KALSOM ketika berucap menyempurnakan perasmian sambutan Pink October 2025 anjuran bersama Putra Specialist Hospital (PSH) Melaka, GrabCar dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di Kopi Cafe Putra.

## TINGKAT KESEDARAN WANITA MELAKA CEGAH KANSER PAYUDARA

MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA  
JUMAAT, 31 OKTOBER 2025 @ 15:18

BANDARAYA MELAKA 31 Oktober – Kesedaran mengenai pentingnya ujian awal bagi mengesan kanser payudara perlu ditingkatkan dalam kalangan golongan wanita, khususnya di negeri ini.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Nordin berkata, ia berikutan masih ada sebahagian besar golongan wanita dibayangi perasaan takut dan kurang pengetahuan terhadap penyakit yang menjadi 'pembunuh' utama kaum hawa itu.

Jelas beliau, antara faktor utama menyebabkan penyakit itu semakin serius adalah apabila kebanyakan wanita tidak menjalani ujian saringan atau pemeriksaan awal bagi mengesan kanser payudara.

"Fokus utama kita (kerajaan) adalah untuk tingkatkan kesedaran awam mengenai betapa pentingnya ujian saringan serta pemeriksaan awal bagi mengesan kanser payudara dalam kalangan golongan wanita.

"Saya percaya dengan pendidikan kesihatan yang berterusan kita dapat mengubah stigma dan rasa takut terhadap pemeriksaan, sekali gus dapat menyelamatkan lebih banyak nyawa melalui pengesanan dan rawatan awal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sambutan Pink October 2025 anjuran bersama Putra Specialist Hospital (PSH) Melaka, GrabCar dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di Kopi Cafe Putra, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif PSH Melaka, Mohd Zahiruddin Ahmad dan Pengarah LPPKN, Suszma Khairit-szi Mamat.

Dalam pada itu, Kalsom memuji usaha PSH Melaka, GrabCar dan LPPKN kerana berganding bahu menjayakan sambutan Pink October 2025 yang merupakan simbolik kepada sambutan Bulan Kesedaran Kanser Payudara.

"Tahun ini tema bagi sambutan Pink October 2025 ialah 'Pengesanan Awal Menyelamatkan Nyawa' dan bagi saya ianya adalah bertepatan dengan usaha kerajaan menyampaikan mesej mengenai pentingnya kesedaran awam mengenai kanser payudara.

"Saya mengalu-alukan penyertaan serta kolaborasi strategik antara PSH Melaka bersama GrabCar dan LPPKN bagi menjayakan Pink October 2025 kerana ini membuktikan komitmen mereka terhadap tanggungjawab korporat serta mendekatkan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan komuniti kepada masyarakat umum," ujarnya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SERAMAI 30 peserta menyertai program Pementoran Kepimpinan yang diadakan di Hotel Tamu dan Suites, Kampung Baru, Kuala Lumpur baru-baru ini.

## Usaha dedahkan wanita dengan ilmu kepimpinan

Oleh MOHD SHAJWAN YUSOF 31 Oktober 2025, 8:24 am

SECARA umumnya, wanita bukan sahaja berperanan dalam rumah tangga, malah golongan itu turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Justeru itu, setiap wanita perlu diperkasakan dengan ilmu kepimpinan bagi memastikan golongan tersebut mampu menjadi pembimbing yang baik kepada orang di sekeliling.

Menyadari hakikat itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan Program Pementoran Kepimpinan Dalam Sosioekonomi dan Keusahawanan Wanita Di Peringkat Komuniti (Pementoran Kepimpinan).

Program melibatkan seramai 30 orang wanita daripada pelbagai latar belakang itu telah berlangsung dengan jayanya di Hotel Tamu dan Suites, Kampung Baru, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Program selama tiga hari itu bertujuan meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai kepimpinan, sosioekonomi dan keusahawanan dalam kalangan wanita di peringkat komuniti.

Mentor program tersebut, Dr. Suffia Hany Mohd. Amin memaklumkan, program tersebut bermatlamat membimbing dan mengasah bakat para peserta menjadi pemimpin wanita yang mampan.

"Pementoran kepimpinan merupakan program yang menitikberatkan kemahiran soft skills bagi melahirkan golongan wanita yang mampu bersaing dalam keadaan penuh mencabar ketika ini.

"Para peserta yang menyertai program ini terdiri daripada pelbagai latar belakang. Ada yang berkerjaya, pemimpin komuniti, usahawan dan suri rumah sepenuh masa.

"Di akhir program ini, kami mahu para peserta pulang ke tempat masing-masing dan mengaplikasikan ilmu yang diperolehi di sini dalam kehidupan harian mereka," katanya ketika ditemui bual K-Wanita.

Untuk makluman, program Pementoran Kepimpinan berlangsung selama enam bulan termasuk sesi pementoran secara dalam talian (zoom meeting), aktiviti kesukarelawanan dan kem bina semangat.

Antara modul yang diketengahkan dalam program tersebut termasuklah kepimpinan, penampilan dan dandan, komunikasi, cabaran sosioekonomi, strategi usahawan, perancangan perniagaan, aktiviti kesukarelawan serta mengenali potensi diri.

Menurut Dr. Suffia yang juga seorang usahawan, para peserta didedahkan dengan pendekatan dan modul mudah difahami dalam usaha melahirkan pemimpin hebat, selain membina penampilan wanita dihormati.

"Salah satu modul menarik adalah kepimpinan dan cara mengurus emosi dalam kalangan wanita. Kebijaksanaan mengurus emosi mampu membantu peserta mengawal perasaan secara bijak, walau apa pun cabaran yang terpaksa dihadapi mereka.



DR. SUFFIA (berdiri) merupakan mentor yang bertanggungjawab membimbing para peserta.

"Menerusi modul-modul yang diketengahkan juga, program ini mampu mengeratkan lagi silaturahim antara wanita, sekali gus mengukuhkan jaringan kerjasama antara golongan tersebut," ujarnya.

Sementara itu, salah seorang peserta Pementoran Kepimpinan, Noorafzan Md. Yusof, 48, berkata, program tersebut berjaya mencapai objektifnya apabila dia kini berasa lebih bersemangat untuk meneruskan kehidupan harian.

Menurut wanita berasal dari Kampung Baru itu, program tersebut menjadikannya lebih yakin untuk berusaha memajukan diri menerusi ilmu-ilmu kepimpinan yang diterapkan.

"Ini kali pertama saya menyertai program berbentuk kepimpinan selepas dipelawa oleh salah seorang rakan. Ternyata program ini sangat menyeronokkan dan saya langsung tidak berasa bosan.

"Paling penting, saya berjaya menyerap banyak ilmu berkaitan kepimpinan untuk diaplikasikan dalam kehidupan harian. Biar pun saya bergelar suri rumah dan menjalankan perniagaan online dari rumah, namun saya yakin ilmu kepimpinan sangat penting dalam hidup," ujarnya.

Noorafzan yang juga ibu kepada dua cahaya mata memberitahu, salah satu modul yang menarik perhatiannya dalam program tersebut adalah perancangan perniagaan.

Ujarnya, menerusi modul tersebut, para peserta perlu membentangkan idea perniagaan yang ingin diusahakan oleh mereka, sebelum dikritik oleh mentor untuk ditambah baik.

"Menerusi pembentangan itu, saya dapat macam-macam idea untuk menjalankan perniagaan pada masa depan.

"Setiap kritikan diberikan oleh mentor cukup bermakna kerana Dr. Suffia merupakan seorang usahawan yang mempunyai banyak pengalaman," ujarnya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tangkap layar hantaran di laman Facebook, memaparkan dua pengemis kanak-kanak makan di tengah laluan pejalan kaki di Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

## [VIDEO] Pengemis kanak-kanak cemari Bukit Bintang

Oleh HALISYA ISMA ZULKURNAIN 31 Oktober 2025, 11:02 pm

PETALING JAYA – Tindakan dua pengemis kanak-kanak dipercayai warga asing, duduk di laluan pejalan kaki untuk menikmati makanan secara tidak langsung mencemari Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Menerusi hantaran pengguna Norazmi Idris di laman Facebook, memaparkan dua kanak-kanak itu tidak menghiraukan keadaan sekeliling untuk makan bersama.

“Pengemis cemari tempat pelancongan, Bukit Bintang,” menurutnya pada ruang kapsyen.

Video berdurasi 1 minit 40 saat itu turut memaparkan sebuah keluarga pelancong hairan dengan tindakan dua pengemis di tengah laluan pejalan kaki dalam keadaan mencangkung.

Kawasan yang dipenuhi pengunjung itu dipercayai dicemari pengemis tidak mengira peringkat umur dan bangsa telah menunjukkan imej tidak baik kepada pelancong luar.

Terdahulu, Kosmo! melaporkan Jabatan Imigresen Malaysia telah menahan seramai 199 individu atas melanggar kesalahan imigresen termasuk kebanjiran pendatang asing tanpa izin di Jalan Sultan Azlan Shah, September lalu.

Tinjauan Kosmo! mendapati ketidakselesaan orang ramai dengan kehadiran pendatang asing yang semakin meningkat termasuk bimbang akan keselamatan penduduk tempatan.

“Mohon pihak berkuasa buat pemantauan yang lebih teliti untuk bersihkan negara daripada pengemis seperti ini,” kata Azlan.

“Rosak pemandangan dan malu kepada pelancong luar. Pihak berkuasa boleh ambil tindakan segera kepada mereka (pengemis) yang mencemarkan kawasan seperti ini,” kata Noramziah.

“Pelancong luar bukan tahu siapa orang sini (Malaysia) dan siapa pendatang asing. Mereka (pengemis) ini memburukkan imej,” kata Kamal. –KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## APM sedia agih anggota di 20 PPS tambahan di Kelantan

Nasional - Dicipta: 31 Oktober 2025 08:53 PM



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan) APM, Datuk Ismail Mohd Zawawi / Foto RTM

**KOTA BHARU, 31 Oktober** - Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) sedia mengagihkan anggotanya bagi penugasan di 20 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) tambahan yang akan dibuka ketika musim banjir di Kelantan.

Penambahan 20 PPS yang diputuskan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) baru-baru ini, menjadikan keseluruhan 459 PPS akan dibuka sebagai langkah kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan banjir luar jangka.

Menurut Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan) APM, Datuk Ismail Mohd Zawawi, pihaknya tidak berdepan masalah besar untuk melakukan pengagihan anggota kerana turut dibantu anggota sukarela.

"Kita banyak bergantung kepada bantuan anggota sukarela. Kitakan ada kouta tertentu sebab kita telah diberi bajet tertentu oleh kerajaan. (Jadi) akan lihat balikkah dari segi pengagihan anggota. So, saya ingat Insyallah kita tak ada isu pun," kata beliau selepas Majlis Temu Media di Kota Bharu.

Setiap tahun, APM menerima kira-kira RM140 juta bagi bayaran Elaun Khidmat Kontrak (EKK) untuk anggota sukarela, dan agihan penugasan di PPS akan ditentukan mengikut kebijaksanaan pengarah negeri.

Sementara itu, Datuk Ismail memaklumkan, APM memperoleh kelulusan tambahan 80 kenderaan sewaan tahun ini sebagai persediaan menghadapi musim bencana termasuk banjir.

Sebahagian besar perolehan itu melibatkan ambulans dan kenderaan pacuan empat roda.

"Ambulans kita dah dapat penuh 30 unit. 4x4 kita telah hantar ke Sabah 15 unit, manakala Sarawak sedang dihantar, selebihnya kita akan agihkan dalam masa terdekat," katanya.

Penambahan itu penting bagi memperkukuh keupayaan logistik agensi berkenaan, khususnya ketika operasi menyelamat.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kes Abai Zayn Rayyan: 'Hati kami remuk, kami reda tetapi mahu siasatan telus dan adil' – Zahari Mohd Reba

🕒 31 Oktober 2025, 1:57pm



Zahari Mohd Reba ditemui media di pekarangan mahkamah.

Oleh: Fareez Azman

**PETALING JAYA:** Datuk kepada kanak-kanak autisme Allahyarham Zayn Rayyan Abdul Matin, Zahari Mohd Reba, 57, memohon agar pihak berkuasa dapat mencari pembunuh sebenar cucunya itu.

Jelasnya ketika ditemui media di pekarangan mahkamah hari ini, beliau memaklumkan keluarganya reda dengan keputusan Mahkamah Sesyen di sini yang menjatuhkan hukuman penjara terhadap Ismanira Abdul Manaf, 30, selepas didapati bersalah atas pertuduhan pengabaian terhadap Zayn Rayyan dua tahun lalu.

"Walaupun keputusan telah diambil tapi saya nak tahu apa status kes pembunuhan kes Zayn Rayyan sehingga kini polis menjalankan siasatan gagal.

"Pembunuh masih ada di luar sana, saya minta pihak bertanggungjawab meneruskan siasatan dengan telus dan adil. Selama dua tahun keluarga kami telah dianiaya, telah difitnah dalam media sosial tapi kami sabar.

"Ini semua dah ketentuan tuhan, tapi kena ingat kami sentiasa berdoa kepada Allah SWT semoga siapa fitnah menganiaya kami akan terima balasan, walaupun di dunia tidak ditunjukkan kifarahnya, Insha-Allah di akhirat itu pasti," jelasnya.

Dalam pada itu, jelas Zahari, beliau juga memohon agar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dapat mengembalikan penjagaan adik kepada Allahyarham Zayn Rayyan kepada keluarganya.

"Cuma sekarang kami terpaksa mengambil tanggungjawab adik arwah Zayn Rayyan, Zahim yang kini berada dibawah penjagaan JKJ

"Kami akan jaga, kita minta pihak JKJ dengan ikhlas menyerahkan kepada kami, kami sanggup apa apa sahaja sebab dia cucu kami," katanya lagi.

Anak bongsu kepada Ismanira dan Zaim Ikhwan itu kini dibawah jagaan saudara mereka di Rembau, Negeri Sembilan.

Terdahulu semasa hujahan, peguam bela mewakili Ismanira, Hareesh Mahadevan berkata, sekiranya anak guam dikenakan hukuman penjara, ia akan menjejaskan kesihatan adik bongsu Zayn Rayyan itu.

"Dia merupakan seorang kanak-kanak istimewa yang menghidap autisme, sama seperti abangnya Zayn Rayyan. Akibat kes ini, Ismanira hanya diberi kebenaran untuk bertemu tidak lebih 48 jam dalam masa seminggu.

"Sebelum ini, anak kedua itu menangis ketika diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKJ) dan berpaut pada Ismanira kerana tidak mahu masuk ke kereta ketika dibawa ke lokasi lain," katanya di hadapan Hakim Dr Syahliza Warnoh.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Penemuan mayat wanita di Seri Kembangan: Bekas kekasih, abang angkat antara 3 ditahan

31 Oktober 2025, 12:02pm



Oleh: Muhaamad Hafis Nawawi

**KUALA LUMPUR:** Bekas teman lelaki serta abang angkat kepada wanita yang ditemui maut dalam keadaan tidak berpakaian dan tangan terikat dalam kawasan semak berhampiran bulatan Blue Water Estate, Seri Kembangan dekat sini, kelmarin, ialah antara tiga individu ditahan semalam bagi membantu siasatan kes itu.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Muhamad Farid Ahmad berkata, selain tiga lelaki tempatan berusia antara 25 hingga 30 tahun itu, pihaknya juga sedang mengesan individu lain untuk tujuan sama.

Beliau berkata, polis juga sudah mengenal pasti identiti mangsa yang merupakan seorang wanita tempatan.

"Kita akan mendapatkan permohonan menahan reman ketiga-tiga individu terbabit, hari ini.

"Polis juga sudah mengenal pasti identiti wanita itu berdasarkan pengecaman yang dibuat oleh adik kandung mangsa," katanya kepada BH, hari ini.

Muhamad Farid berkata, ahli keluarga mangsa telah membuat laporan polis berhubung kehilangan wanita itu di sebuah balai polis di ibu negara.

"Laporan kehilangannya dibuat pada 25 Oktober lalu, empat hari sebelum mayat mangsa ditemui," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini siasatan dijalankan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Mayat wanita berketinggian 144 sentimeter serta berambut perang dan panjang melebihi paras bahu itu ditemui pada jam 3.45 petang kelmarin selepas orang awam yang melalui kawasan Jalan Anggerik, Seri Kembangan, terhidu bau mencurigakan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Tragedi mandi sungai, dua kanak-kanak lemas

Aizat Sharif  
am@hmetro.com.my



ANGGOTA bomba bersama orang awam mencari Iskandar Zulkarnain (gambar bawah) dan rakannya, Muhammad Haikal Hakim yang lemas di sungai di Kampung Padang Besar Selatan, Kuala Perlis. FOTO ihsan JBPM Perlis

Kangar: Dua kanak-kanak lemas selepas mandi di sebuah sungai di Kampung Padang Besar Selatan, Kuala Perlis, di sini, hari ini.

Mangsa ialah Iskandar Zulkarnain Mohd Faizal, 8, dan rakannya, Muhammad Haikal Hakim Mohd Yuhannis, 10, yang kedua-duanya berasal dari kampung berkenaan.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Perlis, Wan Mohd Hamizi Wan Mohd Zin berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 4.40 petang berhubung kejadian sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Perlis dikejarkan ke lokasi.

"Siasatan awal mendapati, pada mulanya terdapat lima kanak-kanak yang mandi di sungai namun tiga daripadanya diselamatkan orang awam dan seorang daripada mereka masih menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Bagaimanapun dua mangsa, (Iskandar Zulkarnain dan Muhammad Haikal Hakim) gagal diselamatkan dan disahkan meninggal dunia oleh anggota paramedik yang tiba di tempat kejadian," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, mangsa dibawa ke Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Kangar

"Operasi mencari dan menyelamatkan diketuai Penguasa Bomba Kanan II Abdul Rahim Yusof bersama Penguasa Bomba Kanan I Marshahadi Mehad dan operasi tamat pada jam 5.36 petang.

"Kes diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Polis Cari Wanita Warga Emas Hilang Di Hutan Melintang

🕒 31/10/2025 07:49 PM



Foto: IPD Bagan Datuk

IPOH, 31 Okt (Bernama) -- Seorang wanita warga emas dipercayai hilang selepas keluar dari kawasan rumahnya yang dikelilingi kebun sawit dan pisang di Kampung Teluk Kerdu, Hutan Melintang, sejak Selasa lepas.

Ketua Polis Daerah Bagan Datuk Supt Mohammad Ali Mohd Jali berkata pihaknya menerima laporan berhubung kehilangan Halimah Idris, 77, jam 4.12 petang pada Rabu oleh anak saudaranya, yang memaklumkan kali terakhir melihat mangsa kira-kira 9 pagi hari kejadian sebelum keluar bekerja.

Beliau berkata pengadu dimaklumkan bahawa ibu saudaranya telah keluar rumah memakai baju kurung berwarna merah dan kain batik semasa kali terakhir dilihat kira-kira 6 petang pada hari kejadian oleh ahli keluarga mangsa.

Beliau berkata hasil siasatan mendapati warga emas itu tidak pernah berkahwin dan tinggal berseorangan di rumah dengan keadaan uzur serta mempunyai penyakit pelupa, selain dikatakan sudah lama tidak keluar rumah dan segala urusan keperluan diuruskan oleh pengadu bersama ibunya.

"Mangsa dipercayai telah keluar rumah bersendirian dan menurut saksi, dia dilihat di jalan kebun sawit lebih kurang 200 meter dari rumahnya.

"Saksi kejadian berniat untuk menghantar warga emas itu pulang ke rumah tetapi mangsa berdiam diri, selain menurut anak saudaranya mangsa tidak menaiki kenderaan dan dipercayai bercakap dengan orang yang tidak dikenali," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Mohammad Ali berkata operasi pencarian orang hilang (OH) telah dijalankan oleh pasukan diketuai polis termasuk bantuan daripada pasukan penyelamat daripada Balai Bomba dan Penyelamat Hutan Melintang, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Bagan Datuk, Unit K9 serta orang awam.

"Lokasi pencarian tertumpu di sekitar rumah mangsa yang merupakan kawasan kebun sawit dan pisang. Bilik Gerakan PKTK (Pos Kawalan Tempat Kejadian) dibuka di Surau Al-ikhshanah Teluk Kerdu dan radius pencarian dibahagi kepada empat pasukan dengan keluasan tiga kilometer persegi dari PKTK.

"Selain itu, polis telah merakam percakapan pengadu berserta saksi. Hebahan media telah dibuat oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Bagan Datuk di laman rasmi Facebook Polis Bagan Datuk dan semakan pendaftaran pesakit di Hospital Teluk Intan serta Hospital Sabak Bernam juga tidak mengesan mangsa," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Sami rogol pelajar dalam kebun sawit konon ubah nasib dipenjara 15 tahun, sebatan

Alias Abd Rani - Oktober 31, 2025 @ 2:39pm



Pechimuthu (kiri) dipenjara 15 tahun dan empat sebatan selepas didapati bersalah merogol pelajar dalam kebun sawit empat tahun lalu. - Foto NSTP/Alias Abd Rani

**BATU PAHAT:** Seorang sami yang dituduh merogol pelajar dalam sebuah kebun sawit empat tahun lalu, kononnya mahu mengubah nasib kehidupan dipenjara 15 tahun dan empat sebatan selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

Hakim Harmi Thamri Mohamad membuat keputusan selepas tertuduh, Pechimuthu Vethumalay, 53, yang menyambut hari lahirnya hari ini, gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah untuk mematahkan kes pendakwaan dikenakan terhadapnya.

Ketika menyampaikan keputusan itu, Harmi Thamri, berkata pengakuan dibuat tertuduh ketika membela diri lebih kepada bersifat penafian semata-mata dan sesuatu pemikiran terkemudian.

"Tiada sebarang bukti sokongan diberikan untuk membolehkan atau mengukuhkan pembelaannya seterusnya menimbulkan keraguan munasabah terhadap pendakwaan.

"Sehubungan itu, penafian kosong semata-mata bukanlah sesuatu boleh dimasukkan sebagai keraguan munasabah.

"Oleh mahkamah mendapati tertuduh bersalah terhadap pertuduhan pindaan mengikut Seksyen 376 (2) (d) Kanun Keseksaan. Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan empat sebatan dengan hukuman berkuatkuasa hari sabitan (hari ini)," katanya.

Selain hukuman penjara, mahkamah memerintahkan tertuduh menjalani kaunseling sepanjang tahanan serta pengawasan polis dua tahun sebaik selesai hukuman.

Seramai enam orang saksi pendakwaan dipanggil memberi keterangan sepanjang prosing perbicaraan manakala tertuduh mengemukakan empat saksi termasuk diri di peringkat pembelaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol pelajar berusia 12 tahun (ketika kejadian) dalam kebun sawit Jalan Yong Peng-Labis, Yong Peng, pada jam 3 petang, pada 28 September 2021.

Seksyen 376 (2) (d) memperuntukkan penjara sehingga 30 tahun dan hendaklah dikenakan sebatan jika sabit kesalahan.

Pada prosiding itu, pihak pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya, Sharifah Natasha Syed Ahmad manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh berjumpa keluarga mangsa dan memberitahu dia mendapat mimpi bagi membantunya yang hidup susah kepada senang.

Tertuduh kemudiannya membawa mangsa kononnya mahu upacara itu sebaliknya dibawa ke sebuah kebun sawit lalu merogolnya.

Mangsa kemudiannya pulang ke rumah dan memberitahu ibu bapanya berhubung kejadian itu sebelum membuat laporan polis.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Buruh mengaku rogol kenalan bawah umur dalam stor

Oleh **Ahmad Hasbi** - Oktober 31, 2025 @ 11:48am



Foto hiasan.

SEREMBAN: Seorang pekerja buruh mengaku salah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan merogol remaja perempuan bawah umur yang juga kenalannya, Ogos lalu.

Tertuduh, Yarits Dzikri Yunus, 20, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Datin Surita Budin selepas pertuduhan dibacakan dengan bantuan jurubahasa.

Tertuduh didakwa merogol remaja perempuan yang ketika kejadian berusia 13 tahun 10 bulan kira-kira jam 3.30 petang di sebuah stor berhampiran kediaman di Kampung Ulu Beranang, Lenggeng, dekat sini, 22 Ogos lalu.

Dia didakwa di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan sebat.

Timbalan Pendakwa Raya, Norazidah Asmuni memohon mahkamah menetapkan tarikh untuk fakta dan hukuman serta laporan sosial.

Mahkamah meneruskan ikat jamin ke atas tertuduh yang berdepan pertuduhan lain sebelum ini dan menetapkan sebutan semula 20 November depan.